UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
**JABATAN PENDAFTAR**
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000
Faks : +6088-320243 / 320047
Emel : papenums@ums.edu.my

Ruj. Kami: UMS/PEND2.1/100-1/7/2 Jilid 4 (29)
Tarikh : 22 Mac 2017

**SEMUA KETUA JABATAN**
***(Senarai edaran seperti di lampirkan)***

**Y.Brs. Prof./Datin/Dr./Tuan/Puan:**

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 5 TAHUN 2017: TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI, JAWATANKUASA TETAP SENAT (PINDAAN 2017)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini disertakan Pekeliling Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2017 yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk makluman dan tindakan lanjut pihak Y.Brs. Prof./Datin/Dr./Tuan/Puan.

3. Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di J/F/P/I/U/B masing-masing. Pekeliling tersebut boleh dicapai melalui laman web Jabatan Pendaftar (http://www.ums.edu.my/pendaftar/).

Segala perhatian dan kerjasama dari pihak Y.Brs. Prof./Datin/Dr./Tuan/Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

**NORLINA KAMIS**
Penolong Pendaftar
Bahagian Pentadbiran & Governan
Jabatan Pendaftar
b.p. Pendaftar

s.k.:
- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar

**LAMPIRAN 1**
**UMS/PEND2.1/100-1/7/2 Jilid 4 (29)**

**SENARAI EDARAN**

1. Bendahari, Jabatan Bendahari
2. Ketua Pustakawan, Perpustakaan
3. Pengarah UMS-Kampus Antarabangsa Labuan
4. Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah
5. Dekan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan
6. Dekan Fakulti Sains Dan Sumber Alam
7. Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan
8. Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan
9. Dekan Fakulti Kejuruteraan
10. Dekan Fakulti Psikologi Dan Pendidikan
11. Dekan Fakulti Sains Makanan Dan Pemakanan
12. Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan
13. Dekan Fakulti Komputeraan Dan Informatik
14. Dekan Fakulti Pertanian Lestari
15. Dekan Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa
16. Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan
17. Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo
18. Pemangku Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi
19. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
20. Pengarah Pusat Pengurusan Strategik & Akademik
21. Pengarah Pusat Ko-Kurikulum & Pemajuan Pelajar
22. Pengarah Pusat Jaringan Industri & Komuniti
23. Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi
24. Pengarah Pusat Perakaunan UMS
25. Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
26. Pengarah Pusat Kajian Strategik & Keselamatan Sabah
27. Pengarah Pusat Rawatan Warga
28. Pengarah Pusat Pengurusan *EcoCampus*
29. Pengarah Penerbit UMS
30. Pengarah Pusat Luar UMS
31. Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan
32. Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
33. Pengarah Pusat Sukan
34. Pengarah Pusat Islam UMS
35. Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembanguanan Keusahawanan
36. Pengarah Pusat Alumni
37. Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
38. Ketua Jabatan Canselori
39. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
40. Ketua Unit Kajian Spesis Marin Terancam
41. Ketua Unit Kajian Bahan Dan Mineral
42. Ketua Unit Penyelidikan Tenaga
43. Ketua Unit Kajian Alga Bahaya
44. Ketua Unit Penyelidikan Rumpai Laut
45. Ketua Unit Penyelidikan Psikologi & Kesihatan Sosial
46. Ketua Unit Penyelidikan Tuberculosis
47. Ketua Unit Kajian Orkid
48. Ketua Unit Penyelidikan Ethnografi Dan Pembangunan
49. Ketua Unit Kecerdikan Buatan
50. Ketua Unit Warisan Penyelidikan Borneo
51. Ketua Unit Penyelidikan Perubatan Desa
52. Ketua Unit Kajian Bencana Alam
53. Ketua Unit Penyelidikan Air
54. Ketua Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari
55. Ketua Unit Keselamatan Dan Kualiti Makanan
56. Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar
57. Ketua Unit Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA
58. Ketua Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo
59. Ketua Unit Kajian Remote Sensing & Gis
60. Ketua Bahagian Perhubungan Korporat
61. Ketua Bahagian Sumber Manusia
62. Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik
63. Ketua Bahagian Perundangan & Integriti
64. Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat
65. Ketua Bahagian Keselamatan
66. Ketua Bahagian Audit Dalam

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PEKELILING PENDAFTAR**

**Tarikh :** 21 **Mac 2017** **Bil.5/2017** **Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2**

# TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI, JAWATANKUASA TETAP MESYUARAT SENAT UMS (PINDAAN 2017)

## 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan mengenai Terma Rujukan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi, Jawatankuasa Tetap Senat (Pindaan 2017).

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Terma Rujukan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi yang diguna pakai adalah Terma Rujukan Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap Senat dan Agenda Tetap Mesyuarat Senat UMS yang telah dikeluarkan melalui Pekeliling Pendaftar pada 20 April 2015 dan berkuatkuasa pada tarikh ianya diluluskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-124 iaitu pada 19 Mac 2015.

2.2 Pindaan ini adalah selaras dengan penambahbaikan mengenai tanggungjawab dan keahlian dalam jawatankuasa melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi yang telah diadakan pada 15 Februari 2017 dan telah dipersetujui dalam **Mesyuarat Senat Bil.2/2017 (Kali Ke-145)** yang bersidang pada **23 Februari 2017**.

2.3 Berikut adalah pindaan terma rujukan:

| BIL. | ASAL | PINDAAN |
|---|---|---|
| 1. | **TERMA RUJUKAN**<br><br>1. Menggubal dan mengemaskini dasar, peraturan, garis panduan serta prosedur berkaitan pelaksanaan dan pengurusan penyelidikan dan inovasi. | <br><br>1. Memperakukan dasar dan peraturan pengurusan penyelidikan dan inovasi.<br>2. Meluluskan garis panduan dan prosedur berkaitan pelaksanaan pengurusan penyelidikan dan inovasi. |

| | | |
|---|---|---|
| | 7. Memperakukan permohonan Post-Doctoral dari pihak luar | Dikeluarkan |
| | 8. **MELULUSKAN** calon Felo Penyelidik dan Felo Bersekutu. | **MELULUSKAN** pelantikan calon Felo Penyelidik dan Felo Bersekutu. |
| 2. | **KEAHLIAN**<br><br>**Ahli Tetap**<br>5. Timbalan Dekan (P&I) semua Fakulti<br><br>6. Timbalan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) | <br><br><br>Dekan semua Fakulti<br><br><br>Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) |
| | **Wakil Ganti Tetap**<br>1. Ahli (Dekan/Pengarah) perlu menghadiri mesyuarat yang diadakan dan hanya boleh mewakilkan Timbalan Dekan/Pengarah sekiranya tidak dapat menghadiri mesyuarat atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. | <br>Ditambah portfolio Timbalan Dekan/Pengarah (Penyelidikan & Inovasi) |
| | 2. Ahli (Timbalan Dekan) perlu menghadiri mesyuarat yang diadakan dan hanya boleh mewakilkan Timbalan Dekan lain dari Fakulti yang sama sekiranya tidak dapat menghadiri mesyuarat atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. | Dikeluarkan |
| 3. | **DASAR DAN DOKUMEN RUJUKAN**<br><br>1. Panduan Pengurusan Penyelidikan UMS.<br>2. Garis Panduan Pengurusan Persidangan UMS.<br>3. Garis Panduan Pengurusan Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu UMS.<br>4. Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan Pusat Kecemerlangan UMS. | <br><br>Semua dasar, polisi, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi yang berkuatkuasa. |

2.4 Terma Rujukan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi, Jawatankuasa Tetap Senat (Pindaan 2017) adalah seperti dilampiran 1.

## 3.0 TARIKH KUAT KUASA

3.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Senat iaitu pada 23 Februari 2017.

Sekian, Terima Kasih.

**"BERTEKAD CEMERLANG"**

Yang ikhlas,

**NO'MAN HJ. AHMAD**
Pendaftar

Tarikh : 21 Mac 2017

s.k.
- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
- Fail

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# TERMA RUJUKAN
# JAWATANKUASA PENYELIDIKAN & INOVASI, JAWATANKUASA TETAP SENAT
# (PINDAAN 2017)

Diluluskan Dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-145
(23 Februari 2017)

**LAMPIRAN 1**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI (PINDAAN 2017)

| BIL. | PERKARA | KUASA |
|---|---|---|
| 1. | Terma Rujukan | Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada Senat dalam perkara-perkara berkaitan hal ehwal penyelidikan dan inovasi Universiti, seperti berikut:<br><br>1. Memperakukan dasar dan peraturan pengurusan penyelidikan dan inovasi.<br><br>2. Meluluskan garis panduan dan prosedur berkaitan pelaksanaan pengurusan penyelidikan dan inovasi.<br><br>3. Memantau aktiviti dan output penyelidikan dan inovasi setiap FPIU.<br><br>4. Melaporkan status semasa output penyelidikan dan inovasi universiti, termasuk pencapaian dalam MyRA, serta mengesyorkan cadangan/initiatif/pelan tindakan untuk peningkatannya.<br><br>5. Memantau dan melaporkan pencapaian semasa KPI Universiti berkaitan penyelidikan dan inovasi.<br><br>6. Memperakukan permohonan penubuhan Unit Kecemerlangan (penyelidikan & inovasi).<br><br>7. Memperakukan permohonan menaik taraf Unit Kecemerlangan ke Pusat Kecemerlangan.<br><br>8. **MELULUSKAN** pelantikan calon Felo Penyelidik dan Felo Penyelidik Bersekutu.<br><br>9. Melaksanakan mana-mana kuasa dan fungsi yang lain sebagaimana yang boleh dan diwakili kepadanya oleh Senat atau yang diperuntukkan di bawah peruntukan mana-mana Statut, Akta atau Peraturan Universiti. |
| 2. | Keahlian | **Pengerusi :**<br>Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).<br><br>**Pengerusi Ganti :** |

| BIL. | PERKARA | KUASA |
|---|---|---|
| | | 1. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).<br>2. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).<br>3. Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi.<br><br>**Ahli Tetap:**<br><br>1. Pengarah Pusat Penyelidikan & Inovasi (PPI).<br>2. Dekan Semua Fakulti.<br>3. Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)<br>4. Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP)<br>5. Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB)<br>6. Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB)<br>7. Ketua-ketua Pusat Penyelidikan/Kajian. (Entiti yang melapor terus kepada Naib Canselor)<br><br>**Wakil Ganti Tetap:**<br><br>1. Ahli (Dekan/Pengarah) perlu menghadiri mesyuarat yang diadakan dan hanya boleh mewakilkan Timbalan Dekan/Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi) sekiranya tidak dapat menghadiri mesyuarat atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.<br>2. Ahli (ketua) perlu menghadiri mesyuarat yang diadakan dan hanya boleh mewakilkan pegawai yang berkenaan dari Unit sekiranya tidak dapat menghadiri mesyuarat atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.<br>3. Wakil-wakil ini walau bagaimanapun tidak berhak mengundi pada mesyuarat itu.<br>4. Senat boleh melantik ahli tambahan mengikut keperluan semasa.<br><br>Pengerusi boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat JKTS ini bagi tujuan menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan. Walau bagaimanapun orang itu tidaklah berhak mengundi pada mesyuarat itu.<br><br>**Kuorum Mesyuarat**:<br><br>1. 2/3 daripada jumlah ahli mesyuarat.<br>2. Kehadiran wakil ganti tetap dikira dalam jumlah kuorum mesyuarat.<br><br>**Setiausaha:**<br>Pegawai Tadbir Pusat Penyelidikan dan Inovasi. |
| 3. | Urus Setia | Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPI) |

| BIL. | PERKARA | KUASA |
|---|---|---|
| 4. | Dasar dan Dokumen Rujukan | Semua dasar, polisi, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi yang berkuatkuasa. |
| 5. | Maklumat tambahan | FPIU perlu melaporkan perkembangan aktiviti dan output penyelidikan masing-masing setiap tiga (3) bulan. |